

26/10/1997

Konvensyen khas bincang kejatuhan saham

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno akan menggembeleng seluruh kepimpinan pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN) dan negara Asean untuk membincang dan mencari jalan mengatasi masalah kejatuhan pasaran saham dan nilai mata wang.

Berikutan itu, satu konvensyen khas akan diadakan dengan menjemput tokoh ekonomi, korporat dan pendidikan tempatan dan luar negara bagi membincangkan isu berkenaan.

Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah itu perlu bagi mengukuhkan kerjasama negara di rantau ini bagi mengatasi serangan spekulator dan manipulator asing.

"Sehubungan itu, Pemuda mahu semua media di negara ini tidak memetik laporan agensi asing yang memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan kejatuhan pasaran saham."

"Kejatuhan pasaran saham Hong Kong yang mempunyai asas ekonomi kukuh adalah bukti kejatuhan itu tidak mempunyai kaitan dengan ucapan Perdana Menteri, tetapi disebabkan serangan spekulator asing," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda Umno di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda akan meminta Menteri Luar Thailand mengambil tindakan terhadap dua akhbar negara itu - Bangkok Post dan The Nation kerana memburukkan Perdana Menteri.

"Akhbar itu yang mempunyai pengarang bukan warga Thailand memburukkan pemimpin kita dan tindakan mereka bercanggah dengan semangat dan kerjasama Asean."

"Mereka bukannya bersimpati dengan masalah ekonomi yang berlaku di rantau ini, sebaliknya menyiarkan berita negatif dan menikam pemimpin kita dari belakang," katanya.

(END)